

Headline	FRIM anjur konsert berteras ketuhanan	Language	MALAY
Date	20. Jun 2009	Page No	S13
Media Title	Sinar Harian	Article Size	306 cm2
Section	Selangor & KL	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Full Color
Readership	0	AdValue	



FRIM anjur konsert berteras ketuhanan

ULU KEPONG - Bertujuan menimbulkan kesedaran kepada golongan muda ke arah lebih baik melalui kebudayaan dan kesenian, satu konsert berteraskan konsep ketuhanan dianjurkan pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohamad yang mencetuskan idea program tersebut menyifatkan, irama dan suasana mengharukan hati serta menggetarkan jiwa akan memperkuatkan

"Maka, apabila bertemu rasa agama dan rasa seni, ia membentuk tenaga rohani yang dapat melahirkan kemahuan menggerakkan langkah ke arah mencari keredaan Ilahi," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan



● Antara kumpulan yang terdiri daripada warga FRIM membuat persembahan pada malam Konsert Nur Ukhwah.

Konsert Nur Ukhwah sempena Bulan Kualiti FRIM dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Kesenian (Peseni), Kelab FRIM, Masjid Jamek FRIM, Badan Kebajikan Islam (BKI) FRIM dan Sekolah Agama Rakyat (Kafa Integrasi) FRIM.

Program yang turut menganjurkan pertandin-

gan lagu berkonseptan ketuhanan itu bertempat di Dewan Alwy, Unit Latihan Perhutanan (ULP) FRIM, di sini.

Sementara itu, Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Peseni Kelab Frim, Samsul Bahrin Abdullah berkata, program julung kali dijayakan Peseni dengan kerjasama Kelab

FRIM ini membuka lembaran baru kepada kelab berkenaan mengetengahkan seni Islam kepada masyarakat.

"Bukan sekadar membatas ruang lingkup seni itu pada muzik moden dan sebagainya. Sesungguhnya cabang seni itu luas. Jadi, kita berharapkan program

seumpama ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang," katanya.

Terdahulu, konsert diserikan dengan persembahan daripada Kumpulan Rabbani selain persembahan Kafa FRIM, Kumpulan Nasiyid ULP, persembahan Peseni dan 'Band' FRIM.

Samsul berkata, pertandingan lagu berkonseptan ketuhanan ini telah menampilkan lapan peserta akhir dipertandingkan pada malam tersebut.

Kumpulan Vios merupakan johan, berjaya membawa pulang cek bernilai RM300, tempat kedua dimenangi Adi Fadly yang menerima RM200, manakala tempat ketiga The KP's Child menerima RM100.